# TINGKAT KESEDARAN PENJAGAAN HAIWAN SEMBELIHAN

**Siaran Akhbar dan Infografik : Universiti Islam Sultan Sharif Ali**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 26 Jun. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat dengan kerjasama Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban akan menawarkan Halalan Thayyiban Workshop on Animal Slaughter Welfare and Slaughter kepada pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan atau bukan kerajaan, para belia juga orang ramai yang berminat.

Adapun tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk meningkatkan kesedaran tentang cara penjagaan haiwan sebelum dan semasa penyembelihan, memberikan pengetahuan mengenai perbezaan di antara sembelihan haiwan secara *stunning* dan tradisional halal dan mengetengahkan konsep Thayyiban dalam pengurusan rantaian bekalan daging halal.

Untuk makluman orang ramai, Halalan Thayyiban Workshop on Animal Slaughter Welfare and Slaughter ini akan diadakan selama 1½, iaitu pada Rabu dan Khamis, 28 - 29 Julai 2021, jam 8.00 pagi hingga 4.30 petang. Yuran pendaftaran bagi Halalan Thayyiban Workshop on Animal Slaughter Welfare and Slaughter ini adalah BND150 (bagi setiap seorang peserta).

Pendaftaran bolehlah dibuat melalui *link : http://bit.ly/WAWS_2021.* Tarikh tutup pendaftaran bagi bengkel ini ialah pada Sabtu, 17 Julai 2021. Sebarang pertanyaan atau keterangan lanjut mengenai bengkel ini, orang ramai bolehlah menghubungi Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat, UNISSA menerusi talian +6732462000 sambungan 204 atau 202 atau melayari laman sesawang *www.unissa.edu.bn* atau menghantar e-mel ke *C4L@unissa.edu.bn.*




# Peluang mengenali Astrofiqh, Sistem Suria

- **UNIVERSITI Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat akan menawarkan Kursus Latihan Astrofiqh Modul 1 : Pengenalan Kepada Astrofiqh dan Sistem Suria bagi pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan atau bukan kerajaan, para belia juga orang ramai yang berminat.**
- **UNTUK makluman orang ramai, Kursus Latihan Astrofiqh Modul 1 : Pengenalan Kepada Astrofiqh dan Sistem Suria ini akan diadakan selama satu hari, iaitu pada Rabu, 4 Ogos 2021, mulai jam 8.00 pagi hingga 4.30 petang.**
- **YURAN pendaftaran bagi Kursus ini adalah BND150 (bagi setiap seorang peserta).**




**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 26 Jun. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat akan menawarkan Kursus Latihan Astrofiqh Modul 1 : Pengenalan kepada Astrofiqh dan Sistem Suria bagi pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan atau bukan kerajaan, para belia juga orang ramai yang berminat.

Adapun tujuan kursus ini diadakan adalah untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan mengenai isu-isu berkaitan dengan Astrofiqh, mengembangkan disiplin ilmu Astrofiqh yang mempunyai kaitan secara langsung dengan akidah, ibadat dan kehidupan seharian dan juga untuk menyediakan peluang kemahiran insaniah kepada peserta.

Untuk makluman orang ramai, Kursus Latihan Astrofiqh Modul 1 : Pengenalan Kepada Astrofiqh dan Sistem Suria ini akan diadakan selama satu hari, iaitu pada Rabu, 4 Ogos 2021, mulai jam 8.00 pagi hingga 4.30 petang.

Yuran pendaftaran bagi Kursus ini adalah BND150 (bagi setiap seorang peserta).

Pendaftaran bolehlah dibuat melalui *link : http://bit.ly/ASTROFIQH_2021.* Tarikh tutup pendaftaran bagi kursus ini ialah pada Isnin, 19 Julai 2021.

Sebarang pertanyaan atau keterangan lanjut mengenai kursus ini, orang ramai bolehlah menghubungi Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat, UNISSA menerusi talian +6732462000 sambungan 204 atau 202 atau melayari laman sesawang *www.unissa.edu.bn* atau menghantar e-mel ke *C4L@unissa.edu.bn.*